

**CADANGAN MEREKABENTUK SEBUAH *COMMUNITY*
INCUBATOR (UTM FORUM) DI TAMAN TECHNOVATION
UTM, SKUDAI, JOHOR BAHRU, JOHOR.**

CHONG TONY

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana
Muda Senibina**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia
2001/2002**



SINOPSIS

Universiti merupakan institusi yang berpengaruh, samada warganya yang berpendidikan tinggi mahupun sumber-sumbernya yang tidak ternilai. Penglibatan universiti dalam pembangunan komuniti setempat bukan perkara baru di negara-negara barat seperti Eropah dan Amerika, dan ini telah mewujudkan bandar-bandar universiti yang unik serta komuniti yang bertaraf tinggi. Namun, perkara ini jarang dipertekankan dalam pembangunan komuniti di bandar universiti kita.

Perhubungan di antara universiti dan bandar universiti adalah unik. Arus IT yang melanda ke seluruh dunia baru-baru ini telah mengunikkan lagi perhubungan ini. Implikasi daripada revolusi industri ini telah membawa perubahan kepada paradigm universiti dan seterusnya kepada pembangunan komuniti di situ. Universiti kian melibatkan diri dalam aktiviti komersil, dan pembangunanya sudah berkembang ke taman sains serta pelbagai institusi berteknologi tinggi. Evolusi ini telah membawa perubahan yang ketara ke atas alam sekitar, infrastruktur, komuniti dan budaya setempat.

Secara tidak langsung, evolusi ini telah mewujudkan satu komposisi yang unik di antara alam sekitar yang selesa, infrastuktur yang terancang, komuniti yang pelbagai nationaliti dan majoriti komuniti berpendidikan tinggi. Ini telah membentuk satu “*synergy*” yang sesuai bagi memimpin komuniti ke arah “*knowledge society*”.

Misi tesis ini ialah *enhance synergy* tersebut dalam pembangunan komuniti di sekitar UTM. Strategi teras ialah mewujudkan satu *common ground* supaya aktiviti-aktiviti sosial dapat digalakkan. Pada masa yang sama, kemudahan-kemudahan UTM diunjurkan ke situ supaya ia dimanfaatkan oleh komuniti di situ.